

BAB KE DUA

TASYBIH DAN SURAH AL-BAQARAH

2.0 Pendahuluan

Asmah Hj. Omar (1992:45) menyatakan “Bahasa adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Bunyi-bunyi ini tersusun menurut hukum-hukum yang ada dalam sesuatu masyarakat pengguna bahasa tertentu sehingga dapat melambangkan buah fikiran yang sudah dan sedang dilahirkan juga yang akan dilahirkan.”

Sapir (1949:2) menjelaskan “Bahasa petunjuk bagi kebudayaan, bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, yakni cara hidup mereka dan juga sekitar fizikal dan sosial mereka. Bahasa juga cara yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan buah fikiran, perasaan dan hasrat melalui lambang-lambang yang dihasilkan secara sukarela.”

Bloch dan Trager (1942) menyatakan bahasa ialah “Satu lambang pertuturan yang arbitrari yang digunakan untuk berhubung”.

Komunikasi kebahasaan antara manusia bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Maksud ialah kandungan sesuatu mesej atau bahan komunikasi yang ingin disampaikan oleh individu kepada individu lain, dan maksud itu terkandung dalam

bahasa dan hal-hal yang berhubungan dengan penyampaian sesuatu bahasa, seperti intonasi, suasana sekitar dan gerak geri penutur dan pendengar. Maksud itu dikehendaki supaya difahami oleh penerima komunikasi tersebut dengan tepat seperti yang dikehendakki oleh penyampainya. Demikian juga halnya dengan penyampaian fikiran dalam bahasa bertulis.

Bahasa mempunyai berbagai gaya, laras, variasi, dan fungsi. Demikian juga dengan bahasa Arab. Untuk memahai dan menguasai bahasa Arab selain dari mempelajari nahu dan saraf, perlu juga mempelajari dan memahami ilmu balaghah. Secara umumnya ilmu balaghah menerangkan dan memberikan panduan dan tata cara untuk menyampaikan sesuatu hasrat atau fikiran dengan jelas dan terperinci dengan menggunakan ungkapan dan rangkai kata yang indah dan sesuai, sehingga dapat menyentuh perasaan dan memberi kesan yang mendalam pada jiwa pendengar atau pembaca. Tasybih adalah sebahagian daripada perbahasan dalam ilmu balaghah.

2.1 Definisi Tasybih

Perkataan tasybih itu sendiri menurut Kamus al-Miftah (2007 : 472) menyatakan tasybih ertinya persamaan, penyerupan atau perumpamaan dan perbandingan. Namun pakar bahasa Arab telah mendefinisikan tasybih kepada dua segi, pertama dilihat dari segi bahasa dan keduanya dari segi istilah.

2.1.1 Tasybih Dari Segi Bahasa

Antara tokoh bahasa yang memberikan definisi tasybih : dari segi bahasa ialah :

- a) Luis Ma'lu:f (1965 : 372)

Maksudnya: Menyerupakannya dengan dia : mencontohkannya dengan dia.

Menyamakan dirinya dengan dia : Mirip dan hampirnya dalam sesuatu perlakuan.

b) Ibrahim Mustafa (1989 : 471) menyatakan Tasybih ertinya Persamaan.

c) Ahmad al Hasyimi (1978 : 247) menyatakan:

Bermaksud: Tasybih pada bahasa ialah persamaan; dikatakan : Ini menyerupai ini dan umpamanya.

d) Maan Z. Madina (1973 : 340) menyatakan :

: comparison; allegory.

Bermaksud: Tasybih ialah perbandingan, persamaan; cerita ibarat, atau kiasan.

e) Alamuddin Mohd Yassin bin 'Isa (t.t.: 100).meyatakan :

Bermaksud: Tasybih pada bahasa menjadikan sesuatu serupa dengan sesuatu yang lain.

Kesimpulannya keseluruhan para sarjana menggunakan perkataan persamaan, sama dan serupa dalam mendefinisikan tasybih dari segi bahasa.

2 . 1 . 2 Tasybih Dari Segi Istilah:

a) Ahmad al-Hashimiy (t.t : 200) menjelaskan :

Bermaksud : Tasybih adalah menunjukkan (memberi makna) satu perkara atau beberapa perkara yang sama-sama mempunyai satu sifat atau beberapa sifat, dicantumkan antara satu dengan yang lain itu dengan salah satu daripada adat-adat tasybih.

b) Ismail Hasan (1981 : 18) menyatakan:

Bermaksud: Tasybih ialah satu ikatan bagi menyamakan dua perkara yang memiliki sifat yang serupa, bertujuan untuk menyampaikan maksud yang dikehendaki oleh seseorang penutur itu.

c) Alamuddin Mohd Yassin bin Isa (t.t : 100) menyatakan :

Bermaksud: Tasybih pada istilah : Menghubungkan satu perkara dengan satu perkara lain yang memiliki sifat yang serupa dengan menggunakan partikel khusus untuk sesuatu tujuan.

d) 'Ali al-Ja:rim wa Mustafa Amin (t.t.:20) menjelaskan Tasybih

Bermaksud: Tasybih ialah satu pernyataan tentang sesuatu perkara atau lebih yang sama-sama memiliki satu sifat atau beberapa sifat dengan menghubungkan keduanya dengan partikel yang khusus () iaitu (seperti) atau perkataan yang seumpamanya, sama ada disebut dalam pertuturan atau tulisan

e) Mustafa al-Sawi al-Jawini (t.t.: 24) menjelaskan :

Bermaksud: Tasybih ialah antara frasa-frasa yang berbentuk sastera, frasa seperti ini bukan saja terdapat di dalam bahasa Arab malahan dalam semua bahasa. Sesungguhnya

pakar bahasa Arab sangat mengambil berat tentang tasybih dan menjadikan tasybih itu satu ukuran dalam penilaian kesusasteraan yang terbaik. Tambahan pula tokoh-tokoh kesusasteraan Arab melihat tasybih ini dari beberapa dimensi dan membahagikannya kepada beberapa bahagian mengikut beberapa takbiran atau takwilan.

f) Mohd. Mustafa hadarat (1989 : 33) menjelaskan :

Bermaksud: Tasybih ialah gaya bahasa yang dapat menggambarkan sesuatu pengertian untuk membandingkan sesuatu perkara itu dengan sesuatu yang lain seperti membandingkan (menyamakan) hati yang keras dengan batu seperti pada firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Kemudian setelah itu hati-hati kamu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi”.

Pengertian yang dapat difahami daripada tasybih pada *kalam* Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 74 tersebut, ialah Allah S.W.T mentasybihkan atau mengumpamakan hati-hati orang musyrikin yang tidak mahu menerima kebenaran itu keras macam batu, malahan hati mereka itu lebih keras daripada batu.

g) Mohd. Abu Musa (1993 : 26) menyatakan :

Bermaksud: Tasybih ialah sesuatu yang memiliki sifat yang betul-betul dapat dikongsi bersama dengan yang lain seperti kata mereka : “ Hikmat itu ialah pohon yang tumbuh di hati dan berbuah di lidah.”

Huraiannya :

Pengarang mentasybihkan atau mengumpamakan hikmah atau kata-kata nasihat itu bagaikan pokok. Pokok ialah jenis tumbuhan yang mempunyai sifat atau ciri-cirinya berakar, berdaun dan berbuah. Oleh kerana itu pokok boleh memberi manfaat kepada makhluk lain termasuk manusia. Manfaat yang dapat diambil daripada pokok ialah : Pohonnya boleh melindungi daripada hujan dan panas; buahnya boleh dimakan untuk menghindarkan manusia atau haiwan dari kelaparan dan kematian; juga dapat menyihatkan tubuh badan dan menyuburkan pertumbuhan otak. Demikianlah juga kata-kata hikmat sifatnya dapat memberi manfaat kepada manusia untuk menjadi panduan hidup yang sempurna. Bagi menyampaikan maksud tersebut dalam bahasa yang lebih seni dan indah serta lunak didengar digunakan tasybih (gaya bahasa perumpamaan). Diumpamakan “kata hikmat dengan pokok.” Kerana kedua-duanya memiliki sifat yang setara iaitu boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada yang lain.

h) Al-Khatib Al-Qazwini (1980 : 328) menyatakan :

Bermaksud: Tasybih : Tanda atau dalil yang menunjukkan perkongsian satu perkara dengan satu perkara yang lain pada makna.

i) Al-Rumani (t.t : 74) menyatakan:

Bermaksud: Tasybih ialah ikatan bagi menyatukan dua perkara yang boleh menggantikan tempat antara satu sama lain, pada perkara yang dapat ditanggapi oleh pancaindera atau kekuatan akal.

j) Al-Sakaki (1964 : 310) menyatakan :

Bermaksud: Tasybih : Perkongsian sesuatu dengan sesuatu yang lain pada satu perkara.

k) Ibrahim Mustafa (1989 : 471) menjelaskan :

-

Bermaksud: Tasybih : Pelampiran satu perkara dengan satu perkara kerana satu sifat yang dikongsi bersama - Lelaki itu seperti singa pada keberanian.

Huraiannya :

Pengarang menyamakan sifat seorang lelaki yang berani dengan seekor singa kerana singa memang dikenali umum bersifat berani. Maka ditasybihkan lelaki itu dengan singa, belaiiau menggambarkan lelaki itu seorang yang sangat berani sehingga boleh disamakan seperti seekor singa. Maksudnya keberanian lelaki itu sama dengan keberanian seekor singa.

Dari definisi-definisi yang telah diberikan oleh para ahli bahasa di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa tasybih ialah salah satu gaya bahasa dalam bahasa Arab. Tasybih digunakan untuk menyampaikan sesuatu hasrat sama ada untuk memuji, menyanjung atau megeji, mengejek dan sebagainya. Hasrat itu dizahirkan dalam ungkapan yang khusus yang mampu difahami oleh sesiapa sahaja sama ada pendengar atau pembaca.

Cara mengungkapkan tasybih atau perbandingan itu ialah dengan menyamakan atau mensetarakan sifat atau ciri yang ada pada seseorang itu dengan benda lain yang juga memiliki ciri atau sifat tersebut malahan lebih terkenal lagi dengan ciri atau sifat yang dimaksudkan itu, maka diserupakan atau diumpamakan ciri atau sifat seseorang itu dengan benda tersebut sebagai perumpamaan.

2.2 Kedudukan Tasybih Dalam Bahasa Arab

Tasybih adalah satu cabang dari '*ilmu al-baya:n* () yang terdapat dalam kajian bala:ghah () atau retorik dalam bahasa Arab. Tasybih atau penyerupaan antara dua perkara yang berlainan jenis tetapi mempunyai satu atau beberapa titik persamaan. Tasybih secara amnya bermaksud menyerupai, bagaikan serupa, sama seperti, semacam, umpama, bandingan atau perumpamaan. Manakala tahap sifat penyerupaan itu bergantung kepada jenis tasybih tersebut.

Tasybih adalah sebahagian daripada balaghah bahasa Arab. Balaghah ialah ilmu yang mengkaji dan mempelajari tentang kefasihan, kelancaran dan kepetahan berbahasa. Melalui balagha dapat disampaikan sesuatu maksud yang jelas dengan pengucapan yang lancar dan dengan rangkaian kata yang cantik dan indah, yang sesuai dengan keadaan, tempat dan sesuai pula dengan orang yang ditujukan perkataan tersebut. Suasana demikian dapat menyentuh perasaan dan memberi kesan yang menarik dan mendalam di jiwa pendengar dan pembaca.

Balaghah adalah bahasa yang biasa diguna pakai oleh para sasterawan sama ada dalam ucapan atau penulisan mereka, ungkapan itu lahir daripada apa yang dilihat, yang dirasa dan yang masih dalam bayangan atau khayalan. Lumrahnya ungkapan-ungkapan dalam bicara para sasterawan adalah terdiri dari kata-kata yang indah, yang

sesuai dengan sesuatu topik, sesuai dengan pemikiran pembaca atau pendengar dan serasi pula dengan cita rasa dan naluri mereka.

Di dalam bahasa Arab, al-Balaghah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu

'ilmu al-Ma'a:ni, 'ilmu al-Baya:n dan 'ilmu al-Badi:'

Petama *'Ilmu al-Ma'a:ni* : Membincangkan tentang memelihara kesesuaian lafaz dan maknanya mengikut situasi dan kondisinya. *'Ilmu al-Ma'a:ni* menerangkan tentang *isna:d, musnad, musnad ilaih; itla, taqyid;* lafaz yang tertakluk dengan kata kerja, *qasar, insya:k, fasal dan wasal, ija:z, itnab dan musa:wat.*

Kedua *'Ilmu al-Baya:n* : Ialah ilmu untuk mengetahui apa yang dimaksudkan oleh penutur atau penulis kerana ada makna yang lain disebalik perkataan yang diungkapkan itu. *'Ilmu al-Baya:n* juga untuk mengawal kata-kata supaya tidak terpesong dari tujuannya. Tajuk-tajuk yang dibincangkan di bawah ilmu *al-Baya:n* ialah : *Al-Tasybih, al-Majaz al-Mursal, al-Majaz al-'aqli, al-Isti'arat, dan al-Kinayat.*

Ketiga *'Ilmu al-Badi:'* : Membincangkan tentang cara untuk menambahkan keindahan dan kecantikan sesuatu rangkai kata yang membawa berbagai tujuan dan maksud yang sesuai dengan situasinya . Perkara-perkara yang dibincangkan dalam ilmu *al-Badi:'* ialah *al-Muhsina:t al-Ma'anawiyat, dan al-Muhsina:t al-Lafziat*

Di dalam kajian ini penulis hanya membentangkan satu bahagian sahaja dari ilmu *al-baya:n* iaitu tentang *tasybih*. Kemudian penulis cuba menemukan tasybih yang terdapat dalam nas al-Qur'an iaitu di dalam surah al-Baqarah dan menganalisisnya menerusi *bala:ghat* bahasa Arab.

Tasybih iaitu perbandingan atau perumpamaan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang memiliki sifat yang serupa dan dihubungkan antara keduanya dengan *ada:t al- tasybih* atau alat tasybih (kata-kata khusus) dengan tujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud tanpa menyatakan secara terus terang apa yang tersirat di lubuk hati seseorang penutur atau penulis itu. Maka maksud itu disampaikan dalam bahasa yang indah dan menarik, iaitu dengan membuat perbandingan atau perumpamaan.

Tasybih termasuk di bawah '*ilmu al-baya:n* dalam *bala:ghat* Arab.


Perkara-perkara yang diperkatakan dalam '*ilmu al-Baya:n* ialah:

1. *Al-Tasybih* ()
2. *Al-Isti'a:rat* ()
3. *Al-Maja:z al-Mursal* ()
4. *Al-Maja:z al-'aqli:yy* ()
5. *Al-Kina:yat* ()

Perbincangan tentang ilmu balaghah di dalam bahasa Arab, sangat luas, ianya berkisar tentang bahasa, termasuklah kefasahan berbahasa sama ada diungkapkan melalui pertuturan atau penulisan, kefasahan itu merangkumi tiga ciri : iaitu : maksudnya jelas, ucapannya lancar dan susunan kata-katanya cantik. Ruang lingkup ilmu bala:ghah itu meliputi ilmu *Ma'a:ni*, ilmu *Baya:n* dan ilmu *Badi:'*. Manakala tasybih hanya satu bahagian kecil dalam perbincangan ilmu Balaghah, ianya

sebahagian dari pecahan dalam perbincangan ilmu *Baya:n*. Untuk nampak lebih jelas tentang kedudukan tasybih dalam ilmu bala:ghah, sila lihat jadual berikut :

Jadual 1. Kedudukan Tasybih Dalam Balaghah Bahasa Arab



<i>'Ilmu al- Ma'a:ni:</i>	<i>'Ilmu al- Baya:n</i>	<i>'Ilmu al- Badi:'</i>
<p>1. <i>Al-Isnad, khabar, insya:k</i></p> <p>()</p> <p>2. <i>Musnad ilaih</i></p> <p>()</p> <p>3. <i>Al-Musnad</i></p> <p>()</p> <p>4. <i>Al-Itlaq wa al-Taqyi:d</i></p> <p>()</p> <p>5. <i>Muta'aliqa:t al-Fi'il</i></p> <p>()</p> <p>6. <i>Al-Qasr</i></p> <p>()</p> <p>7. <i>Al-Wasl wa al-Fasl</i></p> <p>()</p> <p>8. <i>Al-Ija:z, al-Itma:b, al-Musa:wat</i></p> <p>()</p> <p>()</p>	<p>1. <i>Al-Tasybi:h</i></p> <p>()</p> <p>2. <i>Al-Isti'a:rat</i></p> <p>()</p> <p>3. <i>Al-Maja:zal-Mursal</i></p> <p><i>.Al-Maja:zal-'aqli:y</i></p> <p>()</p> <p>5. <i>al-Kina:yat</i></p>	<p>1. <i>al-Muhsina:t</i></p> <p><i>al-Ma'nawi:yat</i></p> <p><i>.al-Muhsina:t</i> <i>al-</i></p> <p><i>lafziyat</i></p>

2.3 Perbandingan Antara Tasybih Dengan Gaya Bahasa Kiasan Dalam Bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu terdapat juga gaya bahasa atau stail yang dapat digolongkan dalam gaya bahasa yang dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan.

Membandingkan sesuatu benda dengan sesuatu benda yang lain berarti coba menemukan ciri-ciri yang menunjukkan kesamaan antara kedua-dua benda tersebut.

Nik Safiah Karim (1988 : 65) menjelaskan “Gaya, mengikut pengertian yang luas bermaksud corak, bentuk atau rupa sesuatu. Dalam konteks bahasa, gaya bermaksud cara mengungkapkan kata-kata, yakni cara bertutur, menulis dan seterusnya.”

Harimurti (1982) menyatakan “ Antara pengertian gaya bahasa ialah pemanfaatan atas kekayaan bahasa oleh seseorang dalam bertutur atau menulis; dan pemakaian ragam tertentu untuk memperoleh efek-efek tertentu.”

Nik Safiah Karim (1988 : 70) menjelaskan “Gaya bahasa kiasan ialah gaya bahasa yang sekiranya dilihat dari segi maknanya tidak jelas maksudnya dan maknanya itu perlu dicari di luar rangkaian kata atau ayatnya. Dan gaya bahasa kiasan pada asasnya dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan. Perbandingan yang berbentuk bahasa kiasan adalah berkembang daripada analogi.”

Hashim Awang (1986) menjelaskan pula “Analogi bermaksud perbandingan antara dua benda yang berlainan tetapi dapat diperlihatkan adanya sebahagian ciri atau sifat yang bersamaan. Contohnya seekor ikan paus yang besar, boleh menjadi analogi kepada sebuah kerajaan, kerana kedua-duanya mempunyai struktur dan organisasi, walaupun pada dasarnya kedua-duanya sangat berbeza.”

Jack.G. McAuley (1992 : 342) menyatakan “Penggunaan bahasa kiasan sekali sekala boleh menambahkan tenaga kepada bahasa. Bahasa kiasan yang paling kerap digunakan ialah bidalan, pepatah dan perorangan. Bahasa kiasan bukan sahaja

berwarna-warni tetapi juga memupuk kejelasan dengan membolehkan kita membandingkan konsep yang baharu dengan yang biasa.”

Dalam komunikasi kebahasaan dua perkara yang berlainan jenis tetapi ada mempunyai sifat yang sama atau serupa, sengaja ditemukan dengan maksud untuk memberi pujian atau untuk menyatakan kelemahan seseorang atau untuk menggambarkan sesuatu keadaan. Diungkapkan dengan perkataan yang tidak dalam bahasa biasa tetapi dilahirkan dalam bahasa yang indah, halus dan bersopan berselindung di sebalik kiasan dan bandingan

Gorys Keraf (1986 : 112) menyatakan “ Gaya atau khususnya gaya bahasa dikenali dalam retorik dengan istilah *style*. Gaya bahasa yang baik ialah gaya bahasa yang mengandungi tiga unsur berikut ia itu kejujuran, sopan santun, dan menarik.

Kejujuran dalam bahasa bererti mengikuti aturan-aturan, kaedah-kaedah yang baik dan benar dalam berbahasa. Sopan santun adalah memberi penghargaan atau menghormati orang yang diajak berbicara. Khususnya pendengar atau pembaca.

Manakala menarik pula dapat diukur melalui beberapa komponen berikut : Variasi, humor yang sehat, pengertian yang baik, tenaga hidup (vitalit), dan penuh daya khayal (imajinasi)

Gorys Keraf (1986 : 136) menyatakan “Gaya bahasa kiasan pertama-tama dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan. Membandingkan sesuatu dengan sesuatu

hal yang lain berarti coba menemukan ciri-ciri yang menunjukkan kesamaan antara kedua hal tersebut”.

Gorys Keraf (1986 : 136) menjelaskan lagi: Pada mulanya, bahasa kiasan berkembang daripada analogi, dalam arti yang lebih luas analogi berkembang menjadi kiasan. Perbandingan dengan analogi dapat melahirkan bermacam-macam bentuk gaya bahasa. kiasan .

Bentuk-bentuk Gaya bahasa :

a) Perbandingan atau simile. Perbandingan ialah gaya bahasa yang membandingkan dua hal atau benda secara jelas atau eksplisit dengan menyatakan sesuatu itu sama dengan hal atau benda yang lain, melalui penggunaan perkataan-perkataan seperti: *seperti, sama, sebagai, bagaikan, laksana, umpama*, dan sebagainya.

Contoh perbandingan atau simile:

“Matanya bagaikan bintang timur.

Alisnya sebagai semut beriring.

Bibirnya seperti delima merekah.

Mukanya pucat umpama mayat.”

b) Metafora: Apabila perkataan-perkataan sebagai, seperti, laksana dan seterusnya dihilangkan dalam sesuatu perbandingan dan unsur utama disambungkan terus dengan unsur ke dua, akan melahirkan gaya bahasa yang dinamakan metafora.

Contoh Metafora :

“Dia umpama lintah darat” berubah menjadi “lintah darat”. Metafora tidak menyatakan sesuatu perbandingan secara terbuka atau eksplisit, tetapi sekadar

mengandaikan atau membayangkan sesuatu perbandingan. Contohnya “lintah darat itu meminta wang lagi.” bermaksud dia itu adalah seperti lintah yang sentiasa menghisap darah mangsanya.

c) Personifikasi ialah gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau benda yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan. Benda-benda itu bertindak, berbicara, dan sebagainya seperti manusia.

Contoh personifikasi:

“Angin kencang meraung sekuat hatinya”

“Matahari telah kembali ke peraduannya.”

d) Hiperbola ialah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu dengan cara yang sangat berlebihan daripada yang sebenarnya.

Contoh hiperbola:

“Semut melompat bergoncang dunia”.

“Agas menghirup kering laut “

e) Paradoks ialah gaya bahasa yang mengandungi pertentangan yang nyata dengan fakta-fakta yang ada.

Contoh paradoks:

“Musuh sering merupakan kawan yang akrab”

“Dia mati kelaparan di tengah-tengah kemewahan.”

Daripada paparan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa tasybih di dalam bahasa Arab ada persamaannya dengan gaya bahasa perbandingan atau semili, metafora,

personifikasi, hiperbola, paradoks dalam bahasa Melayu. Manakala bentuk-bentuk tasybih atau bahagian-bahagian tasybih akan dinyatakan di dalam bab berikutnya.

2.4 Rukun Dan Unsur Tasybih

Tasybih, perumpamaan atau kiasan itu, ialah suatu ungkapan yang dibentuk secara khusus untuk menyatakan perbandingan antara dua benda atau hal yang sangat berlainan tetapi dapat diperlihatkan adanya satu atau lebih ciri atau sifat yang bersamaan.

Tasybih juga boleh dikatakan sebagai susunan bahasa sastera yang indah dan cantik, menonjolkan nilai estatika yang bersumberkan khayalan pengarang atau pengguna bahasa itu sendiri dalam pujian dan keritikannya terhadap seseorang atau sesuatu hal. Ungkapan itu dinyatakan untuk menzahirkan perasaan pengarang, penutur atau penulis. Pengaliran idea itu dilahirkan dalam gambaran yang nyata dengan menggunakan pendekatan yang mudah iaitu dengan membuat perbandingan atau

perumpamaan dua benda atau dua hal yang sesungguhnya sangat berlainan tetapi dapat diperlihatkan adanya sebahagian ciri atau sifat yang bersamaan itulah dinamakan tasybih. Tasybih itu mengandungi beberapa unsur atau rukun .

Keseluruhan ahli ilmu bala:ghat yang membicarakan tentang tasybih telah menyatakan bahawa tasybih mengandungi empat rukun atau unsur :

Pertama - *al-musyabbah* () perkara yang hendak

diserupakan atau yang dibandingkan

Kedua - *al-musyabbah bih* () perkara yang diserupakan

dengannya atau yang menjadi pembandingnya.

Kedua-dua rukun di atas yaitu (*musyabbah* dan *musyabbah bih*)

itu dinamakan "*Tarafai al-Tasybih*" ()

Ketiga - *wajh al-syabah* () sifat yang dimiliki

bersama (sifat yang sama) atau aspek persamaan antara

musyabbah dan *musyabbah bih*. Dengan syarat sifat yang ada pada

musyabbah bih itu hendaklah lebih kuat dan lebih jelas dari sifat

yang ada pada *musyabbah*.

Keempat - *ada:t al-tasybih* () partikel atau kata yang digunakan

untuk menunjukkan persamaan atau perbandingan antara dua perkara yang

sangat berbeza, yaitu *musyabbah* dan *musyabbah bih*.

Bagi mengikat dan untuk menemukan dua perkara yang berbeza itu

didatangkan kata-kata khusus yang dinamakan *ada:t al-tasybi:h*

() yaitu perkataan :

- () seperti

- () seolah-olah

- () umpama

- () bagaikan

- () bandingan, perumpamaan

Adwa:t al-Tasybi:h atau kata-kata khusus ini kadang-kadang dinyatakan dengan jelas dalam sesuatu ayat tasybih dan kadang-kadang tidak dinyatakan.

Contoh-Contoh Tasybih Dan Huraian Rukun-Rukunnya

Contoh Pertama :

Ismail Hassan (1981 : 19) menyatakan :

Ertinya : Anda pemurah, pemaaf seperti lautan, dan darjatmu tinggi seperti matahari, dan bersinar bagaikan bulan.

Di dalam contoh di atas ada tiga tasybih: Pertama “Anda pemurah, pemaaf seperti laut”, kedua “Anda berdarjat seperti matahari “dan ke tiga “ Anda cemerlang seperti bulan.”

Rukun dan unsur tasybih di dalam contoh di atas ialah :

Tasybih pertama; Anda *musyabbah*, seperti *adat tasybih*. lautan *musyabbah bih*, pemurah dermawan *wajh syabah*. Tasybih kedua; anda, *musyabbah*, matahari *musyabbah bih*, tinggi, wajh syabah, Dan tasybih ketiga, anda, *musyabbah*, bulan *musyabbah bih*,. kilauan, *wajh syabah*.

Huraiannya:

Tasybih pertama menyamakan atau menyerupakan anda yang bersifat pemurah, pemaaf dengan lautan kerana lautan terbentang luas boleh menerima apa sahaja yang dicurahkan kepadanya, lautan banyak memberikan sumbangan kepada insan antaranya menjadi jalan yang boleh menghubungkan perjalanan yang jauh, di dalam

lautan terisi dengan pelbagai khazanah seperti ikan, ketam, udang yang menjadi sumber rezeki untuk semua makhluk. Demikianlah juga orang yang pemaaf sanggup memaafkan apa sahaja kesalahan yang dilakukan terhadapnya, pemurahnya dapat membantu dan melempahkan rezekinya kepada orang lain

Tasybih kedua “ dan anda yang berdarjat tinggi diumpamakan seperti matahari” kerana matahari itu memang tempatnya di atas paling tinggi, begitu juga orang berdarjat tempatnya juga tinggi di mata masyarakat.

Tasybih ketiga “dan anda bersinar bagaikan bulan”, ditasybihkan orang yang cemerlang bagaikan bulan terang, bulan dipuja disanjung oleh si ponggok, disenangi oleh semua kerana cahayanya yang lembut dapat membangkitkan suasana tenang dan girang, begitulah juga orang yang cemerlang disebut, dipuji disenangi, dan diteladani.

Dalam contoh di atas, pengarang memuji seorang yang mempunyai sifat-sifat terpuji, ianya seorang yang pemurah, pemaaf, berdarjat tinggi, cemerlang dan gemilang.

Contoh kedua :

Al-Syed Ahmad al-Hasyimi:yy (t.t : 208) menyatakan :

2

Ertinya : Umur umpama tetamu, atau umpama khayalan angan-angan yang tidak berasas..

Rukun dan unsur tasybih :

Umur *musyabbah*. Tetamu atau khayalan; *musyabbah bih*. Umpama; *adat tasybih*.

Tidak berasas, tidak nyata, tidak tetap, *wajh syabah*.

Huraiannya:

Menyamakan umur dengan tetamu atau khayalan kerana tetamu datangnya tak menentu, dan hanya datang berkunjung sekejap sahaja lepas itu ia balik; demikian juga khayalan atau angan-angan hanya bayangan dan lamunan yang belum menjadi kenyataan, yang tidak berpijak di bumi nyata, begitu jugalah umur ada had yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. tiada siapa mengetahuinya, sampai masa berakhir juga, walaupun dalam kehidupan itu terisi dengan kekayaan dan kemewahan tetapi hanya sementara seperti khayalan bila tersedar semuanya berakhir.

Contoh ketiga :

Ali al-Jarimi:y (1961 : 21) menyatakan :

3

Ertinya : Percakapan si fulan manis seperti madu

Rukun atau unsur tasybih :

Perkataan si fulan, *musyabbah*. Seperti, *adat tasybih*. Madu, *musyabbah bih*. Manis, *wajh syabah*.

Huraiannya :

Menyamakan percakapan si fulan dengan madu, kerana madu rasanya atau sifatnya manis, ia merupakan makanan yang berkhasiat, telah diketahui umum, madu sebagai penawar dan ubat demikian juga perkataan yang baik-baik, yang sopan, manis dan sedap didengar itu menjadikan si pendengar atau si penerima percakapan tersebut merasa tenang, suka dan gembira, boleh menjadi pegubat jiwa, nasihat yang berguna dan kadang-kadang boleh menjadi pendorong kerjaya.

Contoh keempat :

Ismail Hassan (1981 : 19) menyatakan :

4

Ertinya : Semua manusia itu sama seperti gigi sikat.

Rukun atau unsur tasybihnya:

Semua manusia, *musyabbah*. Seperti, *adat tasybih*. Gigi sikat, *musyabbah bih*. Sama, persamaan, *wajh syabah*.

Huraiannya:

Tasybih atau perumpamaan semua manusia dengan gigi sikat, kerana gigi sikat sifat atau bentuknya sama, tidak ada tinggi, rendah, demikian juga lah semua manusia sama sahaja di sisi Allah S.W.T. sama ada manusia itu kaya atau miskin, cacat atau sempurna, kerana keperluannya sama, semua manusia mempunyai kehendak dan perasaan.

Contoh kelima :

'Ali al-Ja:rimi:yy (1961 : 21) menyatakan :

Ertinya : “Hatinya keras dan pejal seperti batu”.

Rukun atau unsur tasybih dalam contoh ini :

Hatinya, *musyabbah*. Seperti, *adat tasybih*. Batu, *musyabbah bih*. Keras dan pejal *wajh syabah*.

Huraiannya:

Menyerupakan hati yang keras, degil sama seperti batu, kerana batu sifatnya kasar, keras dan pejal, susah sekiranya hendak dipecahkan dan sangat susah hendak dibentuk. Begitulah juga orang yang degil dan tidak menurut kata, tidak mahu mendengar nasihat, memang susah hendak mendidiknya dan lagi susah hendak membentuknya seperti yang dikehendaki. Maka diumpamakan orang tersebut berhati batu keras, kasar, pejal dan kental.

Analisis Ayat Tasybih Di atas Mengikut Rukun Tasybih

Di bawah ini adalah analisis lima contoh tasybih yang diberikan di atas dan dipaparkan dalam bentuk jadual dengan mengasingkan setiap rukun tasybih bagi setiap contoh tersebut. Dalam setiap contoh tasybih yang diberikan, semua unsur atau rukun tasybih iaitu : *musyabbah*, *musyabbah bih*, *adat tasybih* dan *wajh syabah*, ada dinyatakan di dalam setiap contoh. Berikut adalah jadual analisis rukun-rukun

Bil	<i>Musyabbah</i>	<i>Musyabbah bih</i>	<i>Adat Al-Tasybih</i>	<i>Wajh Al-Syabah</i>
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				51

tasybih.

Jadual 2 : Analisis Contoh-Contoh Tasybih Mengikut Rukun-Rukunnya

2. .1 Bahagian-bahagian *Musyabbah* Dan *Musyabbah Bih*

Al-Sayyid Ahmad Al-Ha:shimi:yy (1991 : 249 - 253) menjelaskan *musyabbah* dan *musyabbah bih* terbahagi kepada beberapa bahagian :

1. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* yang bersifat *hissi* () dan ada yang

bersifat *'aqliyy* ()

2. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* ada kalanya sama-sama berbentuk kata tunggal

atau satu perkataan ()

3. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* terdiri dari susunan beberapa perkataan (

)

4. *Musyabbah* terdiri dari susunan perkataan dan *musyabbah bihnya* kata tunggal atau

satu perkataan ()

. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* berbilang-bilang, iaitu dua atau lebih.

Setiap *musyabbah* dan *musyabbah bih* tersebut terbahagi pula kepada beberapa

bahagian:

1. Ada *Musyabbah* dan *musyabbah bih* bersifat *hissi:y* () atau kedua-duanya

bersifat *'aqli:y* (). Terdapat juga *musyabbah* bersifat *hissi:y* ()

manakala *musyabbah bih* bersifat 'aqli:y () dan terdapat juga *musyabbah* bersifat 'aqli:y () manakala *musyabbah bih* bersifat *hissi:y* ().

Hissi:y () bermaksud sesuatu yang dapat ditanggapi oleh pancaindera yang lima (dapat dilihat dengan mata, dapat didengar dengan telinga, boleh dihidu dengan hidung, dapat dirasa dengan lidah dan boleh disentuh dengan tangan).

'Aqli:y () bermaksud sesuatu yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera, tetapi boleh ditanggapi oleh akal, dan khayalan atau boleh dibayangkan.

Contoh-contoh *musyabbah* dan *musyabbah bih*, *hissi:y* atau 'aqli:y

a) Contoh *musyabbah* dan *musyabbah bih hissi:*

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 201) menyatakan :

Ertinya: “Anda seperti matahari bercahaya.”

Huraiannya : Anda *musyabbah* dan matahari *musyabbah bih* kedua-duanya (anda dan matahari) dapat dilihat dengan mata.

b) Contoh *musyabbah* dan *musyabbah bih 'aqli:*

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 202) menyatakan

Ertinya: ““Ilmu seperti kehidupan dan kejahilan seperti kematian.”

Huraiannya:

Ilmu, *musyabbah*; kehidupan, *musyabbah bih*; dan kejahilan *musyabbah*, kematian *musyabbah bih*.. Jadi ilmu, dan kejahilan sebagai *musyabbah* bersifat 'aqli kerana kedua-duanya tidak dapat dilihat dengan mata tetapi dapat ditanggapi oleh 'aql. Demikian juga kehidupan, dan kematian, kedua-duanya sebagai *musyabbah bih* kedua-duanya juga bersifat 'aqli tidak dapat dilihat tetapi dapat difikirkan.

c) Contoh *musyabbah hissi* dan *musyabbah bih 'aqli*:

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 202) menyatakan:

Ertinya: “Doktor yang jahat seperti kematian”.

Huraiannya:

Doktor yang jahat, *musyabbah*; dapat dilihat jelas dengan mata; iaitu hissi:y. Manakala kematian, *musyabbah bih*; tidak dapat dipandang dengan mata tetapi dapat dibayangkan dan dapat ditanggapi oleh akal walaupun tak nampak dipandangan mata tetapi dapat diyakini oleh akal kewujudannya.

d) Contoh *musyabbah 'aqli* dan *musyabbah bih hissi*

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 202) menyatakan :

Ertinya: Ilmu itu seperti cahaya.

Huraiannya:

Ilmu, *musyabbah*; tidak dapat dilihat dengan mata, tetapi dapat dikesan dengan kekuatan akal. Cahaya, *musyabbah bih* dapat dilihat dengan mata.

2. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* ada kalanya sama-sama berbentuk kata tunggal atau satu perkataan ()

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 201) menyatakan :

contohnya :

Ertinya : “Pipinya bagaikan sekuntum mawar”.

Huraiannya:

Pipi, *musyabbah* dan mawar, *musyabbah bih*, kedua-duanya kata tunggal ().

3. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* terdiri dari susunan beberapa perkataan ()

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 203) menyatakan :

Contohnya :

Ertinya : “Seolah-olah air mata di pipinya itu, seperti sisa embun di atas bunga Julanar”.

Huraiannya:

Air mata dipipinya, *musyabbah* dan embun di atas bunga Jullianar *musyabbah bih*.

Musyabbah dan *musyabbah bih* terdiri dari susunan beberapa perkataan.

4. *Musyabbah* terdiri dari susunan beberapa perkataan dan *musyabbah bihnya* terdiri

dari kata tunggal atau satu perkataan () contohnya :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 204) menyatakan :

Ertinya : “Air masin itu seperti racun”.

Huraiannya:

Air masin *musyabbah* dan racun *musyabbah bih*. *Musyabbah* terdiri dari susunan beberapa perkataan dan *musyabbah bih* terdiri dari satu perkataan sahaja -

().

5. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* berbilang-bilang, iaitu dua atau lebih.

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 204 -205) menyatakan :

Ia terbahagi kepada empat bahagian :

a) Tasybih *Malfuf* () :

Bermaksud : Menghimpunkan *musyabbah* bersama *musyabbah* dan *musyabbah bih* bersama *musyabbah bih*.

Contohnya :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 205) menyatakan

Ertinya : “ Cahaya tahi bintang pada waktu malam yang terang seperti hujung mata lembing pada baju besi”.

Huraiannya:

Cahaya tahi bintang, malam terang, kedua-duanya *musyabbah* dan hujung mata lembing, baju besi kedua-duanya *musyabbah bih*.

b) Tasybih *Mafrug* ()

Bermaksud : Menghimpunkan setiap *musyabbah* beserta *musyabbah bih*.

Contohnya :

Ertinya : Sesungguhnya nafsu seperti kaca, dan ilmu itu seperti lampu, dan hikmat Allah itu seperti minyak, maka apabila ia menyala sesungguhnya engkau hidup, dan apabila ia padam (gelap) sesungguhnya engkau mati.

Huraiannya:

Nafsu, musyabbah; kaca, musyabbah bih. Ilmu, musyabbah; lampu, musyabbah bih.

Hikmah Allah; musyabbah, minyak, musyabbah bih. Menyala bercahaya, musyabbah, hidup, musyabbah bih. Padam gelap, musyabbah, mati musyabbah bih.

c) *Tasybih Taswiyat* ()

Bermaksud : Ialah berbilang-bilang *musyabbah* dan tidak *musyabbah bih*.

Contohnya :

Ertinya : Pelipis kekasih dan keadaan kedua-duanya bagaikan malam; dan gigi hadapan dan air mata putih bersih bagaikan mutiara.

Huraiannya :

Penyair mengumpamakan pelipis (bahagian kepala antara dahi dan telinga) seorang kekasih seperti malam, yang mana malam bersifat lembut sejuk nampak samar-samar, sesuai untuk berehat, tidur dan bersantai.

Unsur tasybihnya ialah:

keadaan kedua-dua pelipis, *musyabbah*. Malam, *musyabbah bih*. Ini bermakna *musyabbah* ada dua (berbilang-bilang) sedangkan *musyabbah bih* satu sahaja. Begitu juga dengan gigi dan air mata sebagai *musyabbah*, sementara mutiara sebagai *musyabbah bih*. *Musyabbah* ada dua benda, sedangkan *musyabbah bih* hanya satu

d) *Tasybih al-Jama'* ()

Bermaksud : *Musyabbah bih* berbilang-bilang (banyak) dan tidak *musyabbah*.

Contoh:

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. : 205) menyatakan

Ertinya : Dia tersenyum bagaikan mutiara tersusun rapi, atau hujan batu atau bunga daisi, bunga kekwa ”.

Huraiannya:

Kekasih bila tersenyum, nampak giginya putih seperti mutiara, atau giginya putih

seperti hujan batu atau seperti bunga kekwa putih.

Rukun tasybih dalam contoh ini :

Gigi, *musyabbah*. Manakala Mutiara tersusun, hujan batu, dan bunga berkelopak putih, *musyabbah bih*. Ini bermakna *musyabbah* hanya satu tetapi *musyabbah bih* berbilang-bilang, ada tiga (banyak).

2.4.2 *Wajh Syabah* dan Bahagiannya

Wajh syabah ialah sifat yang tertentu yang dikongsi bersama antara *musyabbah* dan *musyabbah bih*.

H. Moch Annuar (1989) menyatakan *Wajh al-syabah* terbahagi kepada tiga dan kemudian tiap-tiap satu terbahagi pula kepada *hissi:y* dan *'aqli:y* dan sebahagian *hissi* dan sebahagian *'aqli*.

1. *Wajh syabah* yang tunggal terbahagi kepada dua bahagian :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 213) menyatakan

a) *Hissi:y*, contoh :

Ertinya :“Seperti kemerahan pada pipi diserupakan dengan sekuntum bunga mawar merah ”

Huraiannya:

Mengumpamakan pipi dengan bunga mawar merah, kerana mempunyai sifat yang sama iaitu berwarna merah. Warna merah itu sebagai *wajh syabah hissi* kerana dapat dilihat. Pipi, *musyabbah*, bunga mawar, *musyabbah bih*, merah, *wajh syabah*.

b) 'Aqli:y, contoh:

Ertinya : Umpama manfaat pada ilmu itu dengan cahaya .

Huraiannya :

Tasybih ilmu dengan cahaya . kerana ilmu boleh memberi kebaikan atau manfaat kepada seseorang sebagaimana cahaya boleh memberi manfaat kepada seseorang.

Rukun tasybih :

Ilmu, *musyabbah*. Cahaya, *musyabbah bih* . Manfaat, *wajh syabah*. Manfaat , tidak dapat dilihat tetapi dapat ditanggapi oleh akal. Maka dikategorikan sebagai *wajah syabah 'aqli*

2. *Wajh -syabah* yang *murakkab* (tersusun dari beberapa perkataan) terbahagi kepada dua bahagian :

a) *Hissi:y* contohnya:

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 213) menyatakan

Ertinya: Rupa bintang Suraya yang terbit di waktu Subuh bagaikan setangkai anggur putih yang sedang berbunga.

Huraiannya :

Bintang Suraya *musyabbah*, bunga anggur *musyabbah bih*. Ketika kembang berwarnah putih, *wajh syabah murakkab hissi:y*. *Wajh syabahnya* dapat dilihat dan tersusun dari beberapa perkataan.

b) 'Aqli:y contohnya :

Firman Allah dalam surah al-Jumu'at ayat 5 :



Ertinya : Bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungkan dengan kitab Taurat kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela kitab-kitab besar.

Tafsiran ayat:

Sifat-sifat Nabi Muhammad S.A.W. itu telah pun diterangkan dalam kitab Taurat, tetapi orang-orang Yahudi tidak mahu mempercayainya, maka Allah S.W.T. bandingkan orang Yahudi yang ditanggungkan dan ditugaskan mengetahui dan melaksanakan hukum kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela kitab-kitab besar sedang ia tidak mengetahui kandungannya..

Rukun Tasybih :

Mereka yang ditanggungkan kitab Taurat (Yahudi) *musyabbah*, keldai, *musyabbah bih*, menanggung kitab, *wajh syabah* 'aqli:y, tidak dapat dilihat.

3. *Wajh syabah muta'adid* (berbilang-bilang atau banyak) terbahagi kepada tiga bahagian :

a) *Hissi:y*, contohnya :

'Ali al-Ja:rim (1961 : 21) mengatakan :

Ertinya Hatinya keras dan kasar seperti batu.

Rukun tasybih:

Hatinya *musyabbah*, seperti *adat tasybih*, batu *musyabbah bih*, kasar keras, pejal *wajah syabah hissi*. *Wajh syabah* dapat dilihat dan lebih dari satu.

c) 'Aqli:y, contoh :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 216) menyatakan :

Ertinya : Perpisahan itu sangat sengsara, rehatnya (berhentinya) seperti laut pada manfaat dan mudharat.

Rukun tasybih :

Perpisahan *musyabbah* seperti *adat tasybih*. laut *musyabbah bih*, manfaat dan mudarat *wajh syabah 'aqli* berbilang-bilang.

c) *Hissi* dan 'aql:yi, contohnya :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 216) menyatakan :

Ertinya : Ini bapa peperangan seperti pedang pada kecantikan dan kilauan.

Unsur tasybih : Bapa peperangan, *musyabbah*. Seperti *adat tasybih*. Pedang, *musyabbah bih* kecantikan dan kilauan *wajh syabah 'aqli:y* dan *hissi* dan berbilang-bilang.. Ini bermakna *wajh syabah*nya lebih dari satu iaitu kecantikan berbentuk 'aqli:y, dan kilauan berbentuk *hiss:y*.

2.4.3 *Ada:t Tasybih*

Ada:t tasybih : ialah perkataan yang khusus yang digunakan bagi menyatakan persamaan, perbandingan atau penyerupaan itu. Perkataan itu sama ada terdiri dari perkataan : kata nama () kata kerja () atau partikel ()

contoh:

1. Kata nama

- a) (umpama)
- b) (serupa)
- c) (seperti)
- d) (bersamaan)

2. Kata kerja :

- a) (menyerupai)
- b) (menyamai)

3. Partikel

- a) (seperti)
- b) (seolah-olah)

2.5 Bahagian-Bahagian Tasybih

Tasybih dilihat dari berbagai aspek terbahagi kepada beberapa bahagian :

Ruslan Adjun (1987 : 31 - 54) menjelaskan tasybih menurut asalnya terbahagi kepada lapan bentuk, tetapi setelah diteliti pada dua keadaan yang berlawanan, menjadikan tasybih kepada sepuluh bentuk dan ditambah pula satu lagi bentuk yang tidak ada lawannya, menjadikan tasybih kepada sebelas bentuk. Pembahagian tasybih kepada sebelas bentuk tersebut dapat dijelaskan seperti berikut:

a) Tasybih dilihat pada adat tasybih, ada dua bentuk:

1. Ada adat tasybih - *Tasybih Mursal* ()
2. Tiada adat tasybih - *Tasybih Muakkad*()

b) Tasybih dilihat pada *wajh syabahnya*, ada dua bentuk :

1. Ada dinyatakan *wajh syabah* - *Tasybih Mufassal* ()
2. Tiada dinyatakan *wajh syabah* - *Tasybih Mujmal* ()

c) Tasybih dilihat pada adat tasybih dan *wajh syabahnya*, ada satu bentuk:

1. Tidak disebut *adat tasybih* dan *wajh syabah*-
- *Tasybih Bali:gh* ()

d) Tasybih dilihat pada bentuk *wajh syabahnya*, ada dua bentuk:

1. *Wajh syabah* merupakan suatu gambaran yang luas terdiri daripada beberapa hal: - *Tasybih Tamthi:l* ()
2. *Wajh syabah* merupakan satu hal atau lebih yang berdiri sendiri-
- *Tasybih Ghair Tamthi:l* ()

e) Tasybih dilihat dari sudut *musyabbah* dan *musyabbah bihnya*, ada empat

bentuk : -

1. Tidak nampak jelas *musyabbah* dan *musyabbah bihnya* –

- *Tasybih Dimnyy* ()

2. Nampak jelas *musyabbah* dan *musyabbah bih* : -

- *Tasybih Ghair Dimniyy* ()

3. *Musyabbah* jadi *musyabbah bih* dan *musyabbah bih* jadi *musyabbah* (terbalik)-

- *Tasybih Maqlu:b* ()

4. *Musyabbah* dan *musyabbah bih* tidak terbalik : -

Tasybih Ghair Maqlu:b ()

Berikut adalah bentuk atau bahagian tasybih yang dijelaskan diatas mengikut urutan, seperti berikut:

1. *Tasybih Mursal* ()

2. *Tasybih Muakkad* ()

3. *Tasybih Mufassal* ()

4. *Tasybih Mujmal* ()

5. *Tasybih Bali:gh* ()

6. *Tasybih Tamthi:l* ()

7. *Tasybih Ghair Tamthi:l* ()

8. *Tasybih Dimni:yy* ()

9. *Tasybih Ghair Dimni:yy* ()

10. *Tasybih Maqlu:b* ()

11. *Tasybih Ghair Maqlu:b* ()

2.5.1 *Tasybih Mursal* ()

Ahmad al-Ha:syimi:yy, (1991 : 269) menjelaskan *Tasybih Mursal*

() ialah :

Bermaksud : *Tasybi:h Mursal* ialah tasybih yang disebut *adat tasybihnya*.

Contohnya:

Ruslan Adjun (1987 : 35) menyatakan :

Ertinya : “Kami berjalan di malam yang gelap pekat seolah-olah malam itu lautan yang gelap dan menakutkan”.

Analisis ayat *Tasybih Mursal* :

Musyabbah : (malam yang gelap)

Musyabbah bih : (lautan)

Ada:t Tasybih: (seolah-olah)

Wajh Syabah :

(gelap dan menakutkan)

Huraian :

Dalam ayat di atas penyair mengumpamakan perjalanannya di waktu malam gelap pekat itu, dengan keadaan di tengah lautan gelap dan menakutkan. Berjalan di waktu malam yang gelap, dan berjalan di tengah lautan, kedua-duanya menakutkan malahan di lautan lebih menakutkan lagi. Maka lautan dijadikan sebagai *musyabbah bih* dan waktu malam gelap dijadikan sebagai *musyabbah*. Berjalan di dalam kegelapan malam, manusia tidak dapat melihat sesuatu apa pun, walaupun di hadapan mereka terdapat bangunan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya, tetapi disebabkan kepekatan malam, semuanya itu tidak dapat dilihat, keadaan itu seolah-olahnya di tengah lautan yang luas tidak nampak sesuatu apa pun, walau pun di hadapan sana ada daratan, tetapi oleh kerana terlalu luas lautan itu dan daratan itu terlalu jauh maka tidak dapat di lihat dengan jelas. Keadaan demikian (di tengah lautan) sangat menakutkan.

Di dalam contoh di atas penyair menyatakan malam gelap () sebagai

musyabbah, di tengah lautan () sebagai *musyabbah bih*, seolah-olah

() sebagai *adat tasybih* dan keadaan gelap dan menakutkan itu

() sebagai *wajh syabah*nya.

Di dalam contoh ini dilihat ada *adat tasybih*nya, disebut dengan jelas dan ia dikategorikan sebagai "*Tasybih Mursal*".

2.5.2 Tasybih Mu 'akkad ()

Bermaksud : Tasybih yang tidak disebut (dibuang) adat tasybihnya.

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 35) menyatakan :

Ertinya : Kuda itu dalam kepantasan adalah kilat yang menyambar

(kepantasan kuda itu, kilat menyambar)

Analisis Ayat Tasybih *Muakkad* :

Musyabbah : (kuda)

Musyabbah bih : (kilat menyambar)

Adat Tasybih : - (tiada)

Wajh Syabah : (pada kepantasan)

Huraian :

Pengarang menyamakan kepantasan kuda belari itu dengan kilat yang menyambar.

Kedua-duanya (kuda belari dan kilat menyambar) sama-sama mempunyai sifat pantas,

tetapi kilat lebih pantas dari kuda, maka kilat dijadikan *musyabbah bih* dan kuda

sebagai *musyabbah*, kepantasan itu sebagai *wajhu al-syabahnya*, dan *adat al-*

tasybihnya tidak dinyatakan, oleh kerana itu tasybih ini dinamakan “*Tasybih*

Muakkad”

2.5.3 Tasybih *Mufassal* ()

Ertinya Tasybih *Mufassal* ialah tasybih yang disebut *wajah syabahnya*

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 35) menyatakan :

Ertinya : Saya seperti air, ketika dalam keadaan redha dan bernyala ketika dalam keadaan marah.

Analisis Ayat *Tasybih Mufassal* :

Musyabbah (saya ketika reda)

(saya ketika marah)

Musyabbah bih : (air)

(bernyala)

Adat tasybih (seperti)

Wajah syabah: (bersih, dan menyala)

Huraian :

Penyair mengumpamakan dirinya dengan air, ketika dia dalam keadaan redha (tenang tenteram) kerana air sifat asalnya bersih jernih sejuk dan boleh diminun dan membasuh pakaian dan sebagainya. Tetapi ketika penyair marah ia menyala (seperti api). Api sifatnya menyala panas dan menyakitkan demikianlah keadaan penyair ketika marah

Di dalam contoh di atas didapati dua *musyabbah* iaitu, keadaan saya (penyair) ketika redha, dan ketika marah. Dan dua *musyabbah bih*, iaitu air, dan menyala (api yang bernyala) perkataan “sepenti” menjadi *adat al-tasybih*, manakala bersih dan bernyala

sebagai *wajh al- syabah*. Contoh di atas didapati dinyatakan *wajh al- syabahnya*, oleh itu dinamakan “*Tasybih Mufassal*”.

2.5.4 *Tasybih Mujmal* ()

Bermaksud : *Tasybih Mujmal* ialah tasybih yang tidak disebut *wajah al- syabahnya*

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 35) menyatakan :

Ertinya : Kata Ibnu Mu‘taz : “ Matahari yang bersinar itu seolah-olah mata wang dinar yang ditempa oleh pembuatnya”.

Analisis Ayat *Tasybih Mujmal*

Musyabbah : (matahari yang besinar)

Musyabbah bih : (mata wang dinar yang baru ditempa)

Adat tasybih : (seolah-olah)

Wajh syabah : - (tiada)

Huraian :

Ibnu Mu 'taz; mengumpamakan matahari yang bersinar ketika terbit itu seperti mata wang dinar yang baru ditempa atau dicetak. Jadi matahari sebagai *musyabbah*, dan wang dinar yang baru ditempa sebagai *musyabbah bih*, perkataan “seolah-olah”

() sebagai *adat al-tasybih*. Dan *wajh Al- syabah* tidak dinyatakan, oleh itu *tasybih* ini dinamakan “*Tasybih Mujmal*”. Walau bagaimanapun kita boleh membuat andaian *wajh syabah*nya ialah bersinar, bercahaya ().

2.5.6 Tasybih *Bali:gh* ()

Tasybih Bali:gh ialah tasybih yang dibuang *adat tasybih* dan *wajh syabah*nya. Contoh :

Ruslan Adjun (1987 : 35) menyatakan :

Ertinya : Kata al-Mutanabbiyy kepada Sayf al-Dawlat yang bertekad untuk bermusafir. “Ke mana engkau akan pergi wahai orang yang memiliki cita-cita, kami adalah dataran tinggi, sedangkan engkau adalah awan yang mengandungi hujan”.

Analisis Ayat *Tasybih Bali:gh* :

Musyabbah : (kami, dan engkau, iaitu Saifu al-Daulat)

Musyabbah bih : (saya dataran tinggi, dan engkau

awan yang mengandungi hujan)

Adat tasybih : - (tiada)

Wajah syabah : - (tiada)

Huraiannya :

Dalam contoh di atas al-Mutanabbiyy dengan perasaan cemas dan bimbang bertanya kepada orang yang dipujanya, iaitu Sayf al-Dawlat yang bertekad untuk pergi mengembara; pertanyaannya “ Ke mana engkau akan pergi ; kenapa engkau tinggalkan kami ? Kami tidak dapat hidup tanpa engkau, kerana engkau adalah seperti awan yang mengandungi hujan yang dapat menghidupkan bumi setelah mati, dan kami adalah dataran tinggi yang tidak dapat hidup tanpa awan yang mengandungi hujan.

Al-Mutanabbiyy menyamakan atau mengumpamakan dirinya seperti dataran tinggi, dan membandingkan Sayf al- Dawlat umpama awan yang mengandungi hujan. Di dalam contoh di atas terdapat dua *musyabbah*, iaitu kami (Mutanabbiyy) dan engkau (Sayf al-Dawlat) dan dua *musyabbah bih*, iaitu dataran tinggi dan awan yang mengandungi hujan. *Adat -tasybih* dan *wajah -syabah* tidak dinyatakan. Oleh kerana tidak dinyatakan *adat tasybih* dan *wajah syabah* itu, maka tasybih ini dinamakan

“ *Tasybih Bali:gh*”

2.5.6 *Tasybih Tamthil* ()

Bermaksud : *Tasybih Tamthil* ialah *wajah syabah*nya merupakan suatu gambaran yang diambil dari beberapa perkara atau keadaan.

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 44) mengatakan :

Ertinya : Kata al-Sariyy al-Rafa', " Bulan sabit itu seakan-akan aksara huruf nun () dari bahan perak yang tenggelam dalam lembaran biru.

Analisis Ayat *Tasybih Tamthil*

Musyabbah : (bulan sabit)

Musyabbah bih : (aksara huruf nun)

Adat tasybih : (seolah-olah)

Wajh syabah :

(aksara melengkung tenggelam di lembaran biru)

Huraian :

Al-Sariyy al-Rafa' mengumpamakan keadaan bulan sabit yang putih melengkung bercahaya berada dilangit biru, bagaikan huruf nun diperbuat dari perak, terbenam pada lembaran biru.

Jadi bulan sabit yang putih melengkung, bercahaya, yang berada di langit biru, *musyabbah*, manakala aksara nun perak, tenggelam dalam lembaran biru, *musyabbah bih*, dan *wajah syabah*nya terdiri dari gambaran beberapa perkara dan keadaan, iaitu adanya suatu yang putih, melengkung, dan melekat pada sesuatu yang berwarna biru. Oleh kerana *wajah syabah*nya terdiri daripada beberapa perkara dan keadaan itu. Tasybih ini dinamakan "*Tasybih Tamthil*".

2.5.7 *Tasybih Ghair Tamthil* ()

Bermaksud : *Tasybih* yang *wajah al-syabahnya* hanya satu gambaran sahaja.

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 43) mengatakan :

Ertinya : Al-Buhturiyy berkata, “Dia lautan pemurah dan dermawan maka bertambah dekat kepadanya, nescaya bertambah jauh engkau dari kemiskinan

Analisis *Tasybih Ghairul Tamthi*

Musyabbah : (dia)

Musyabbah bih : (lautan pemurah)

Adat tasybih : - (tiada)

Wajh syabah : (sifat pemurah, dermawan)

Huraian :

Al-Buhturiyy mengumpamakan orang yang dipujanya (dia) bagaikan lautan, sama-sama amat pemurah dan dermawan (dia pemurah, dermawan umpama lautan) dan menasihatkan orang supaya hampir kepada (dia) agar jauh dari kemiskinan.. *Tasybih* ini dinamakan “*Tasybih Ghair al-Tamthil*” sebab *wajah al-syabahnya* berupa satu sifat.

2.5.8 *Tasybih Dimni:yy* ()

Syed Ahmad Al-Ha:syimi:yy : (t.t : 224) menyatakan :

-

Bermaksud : *Tasybih Dimni:yy* ialah *Tasybih* yang tidak nampak jelas *musyabbah* dan *musyabbah bihnya* tetapi membayangkan atau menyebut secara tidak langsung, dapat diisyaratkan dalam susunan ayatnya.

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 49) mengatakan :

Ertinya : Kata Abu Tamam “ Jangan kau bantah kemiskinan orang yang mulia, banjir mustahil terjadi di tempat yang tinggi.”

Analisis Ayat *Tasybih Dimni:yy* :

Musyabbah: (orang mulia kosong daripada kekayaan

atau orang mulia tak kaya)

Musyabbah bih : (serangan banjir di tempat yang tinggi)

Adat tasybih : (tiada)

Wajh syabah : (sama-sama tidak mungkin terjadi
sesuatu yang berlebihan)

Huraian :

Abu Tama:m berkata kepada seorang wanita agar tidak mengingkari kemiskinan orang yang mulia atau kekosongan orang yang mulia daripada kekayaan dengan kata lain orang yang mulia, tetapi tidak berharta. Hal sedemikian bukanlah suatu hal yang aneh atau ganjil, kerana orang yang mulia, hartanya telah disedekahkan sehingga habis, kadang-kadang sampai dia sendiri menjadi miskin tiada kekayaan. Hal ini bagaikan puncak gunung yang tinggi itu mustahil terjadi banjir, kerana ia tidak dapat menahan air dengan banyak, kalau pun ada hujan, air hujan itu akan segera turun ke bawah, sebab sifat air selalu mencari tempat yang rendah.

Secara jelas kita tidak nampak adanya *musyabbah* dan *musyabbah bih* seperti pada *tasybih* yang biasa, tetapi dapat dirasakan adanya dua *tarfai tasybih* itu , iaitu kemiskinan orang yang mulia, sebagai *musyabbahnya*, dan puncak gunung yang tinggi yang mustahil terjadi banjir di atasnya sebagai *musyabbah bihnya*. *Wajh syabah*nya ialah sam-sama tidak mungkin terjadi sesuatu hal yang berlebih-lebihan. Pada orang yang mulia tidak mungkin ada harta yang berlebihan. Kerana dia suka membantu fakir miskin dan kepentingan sosial, demikianlah juga halnya dengan puncak gunung yang tidak mungkin terjadi banjir di atasnya kerana air selalu mengalir ke bawah.

Oleh kerana *musyabbah* dan *musyabbah bihnya* tidak dapat diketahui dengan jelas seperti *tasybih* yang lain, tetapi dapat dirasakan dalam susunan kalimatnya, maka *tasybih* ini dinamakan "*Tasybih Al-Dimni:yy*"

2.5.9 *Tasybih Ghair Dimni:yy* () atau

Tasybih Sari:h ()

Bermaksud *Tasybih Ghair Dimni:yy* atau *Tasybih Sari:h* ialah *tasybih* yang menyebut dengan jelas *musyabbah* dan *musyabbah bihnya* .

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 39) menyatakan :

Ertinya : Kami telah mengunjungi suatu taman, seolah-olah ia syurga Firdaus pada keindahan dan kemegahan.

Analisis Ayat *Tasybih Ghairu Dimni /Taybi:h Soreh*

Musyabbah : (taman)

Musyabbah bih : (syurga Firdaus)

Adat al-tasybih : (seolah-olah)

Wajhu al- syabah : (Pada kecantikan dan keindahan)

Huraian :

Dalam contoh di atas, pengarang mengumpamakan taman dengan syurga Firdaus, kerana kedua-duanya sama-sama mempunyai kecantikan dan keindahan. Dan dalam contoh ini nampak jelas unsur-unsur *tasybih* itu, iaitu menyebut *musyabbah*,

musyabbah bih, *adat al-tasybih* dan *wajh al-syabah*nya, maka tasybih ini dinamakan “*Tasybih Ghair Dimni:yy*”.

2.5.10 *Tasybih Maqlu:b* ()

Tasybih Maqlu:b maksudnya Tasybih yang terbalik, iaitu menjadikan *musyabbah*, sebagai *musyabbah bih* dengan alasan *wajh syabah* lebih kuat dan lebih jelas pada *musyabbah*. Contohnya

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 222) menyatakan :

Ertinya : “Kata Muhammad bin Uhaib al-Himairiyy “Subuh telah nyata, seolah-olah garis putihnya, wajah khalifah sewaktu dipuji ”

Analisis Ayat *Tasybih Maqlu:b* :

Musyabbah : (subuh)

Musyabbah bih : (wajah khalifah)

Adat tasybih : (seolah-olah)

Wajh syabah : (garis putihnya)

Huraian :

Kata al-Himairiyy: “Bahawa garis putih subuh itu umpama wajah khalifah, sewaktu ia dipuji.” Dalam syarat *tasybih musyabbah* dibandingkan dengan *musyabbah bih*, dan sifat *musyabbah bih* atau *wajhu al-syabahnya* hendaklah lebih kuat dan lebih nyata pada *musyabbah bih*. Tetapi dalam *taybi:h maqlub* ini berlaku sebaliknya. Sepatutnya, wajah khalifah yang menyerupai subuh, iaitu wajah khalifah sebagai *musyabbah* dan subuh sebagai *musyabbah bih*, tetapi pada misal di atas sebaliknya pula, iaitu garis putih subuh menyerupai wajah khalifah. Pembalikan itu untuk menggambarkan betapa kuatnya *wajh syabah* itu pada wajah khalifah, iaitu menunjukkan betapa kuat dan jelas sifat bersinar itu pada wajah khalifah jika dibandingkan dengan subuh.

Subuh menjadi *musyabbah* dan wajah khalifah sebagai *musyabbah bih*, pembalikan itu dibuat untuk menggambarkan betapa kuatnya sifat *wajh syabah* itu pada *musyabbah*. Oleh kerana pembalikan itu, maka tasybih ini dinamakan “*Tasybih Maqlu:b*”

2. 5. 11 *Tasybih Ghair Maqlu:b* ()

Bermaksud : *Tasybih* yang tidak terbalik; iaitu menjadikan *musyabbah* tetap sebagai *musyabbah* dan *musyabbah bih* tetap sebagai *musyabbah bih*.

Tasybih Ghair Maqlub bersifat memberitakan saja tentang adanya sesuatu sifat pada *musyabbah* seperti sifat yang ada pada *musyabbah bih*.

Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 56) menyatakan :

Ertinya : Keharuman (keelokan) sejarah hidupnya laksana keharuman taman bunga.

Analisis Ayat *Tasybih Ghair Maqlu:b*

Musyabbah : (keelokan sejarah hidupnya)

Musyabbah bih : (keharuman taman bunga)

Adat tasybih : (seolah-olah)

Wajh syabah : - (tiada)

Huraian :

Dalam contoh di atas diumpamakan sejarah hidup yang baik itu seperti bau harum di taman bunga, ayat tasybih di atas, *musyabbah* tetap di tempat *musyabbah* dan *musyabbah bih* tetap di tempat *musyabbah bih*, maka tasybih ini dinamakan “*Tasybih Ghair Maqlu:b*”.

2.6 Tujuan *Tasybih*

Setiap penutur atau penulis yang meluahkan idea dan perasaannya melalui gaya bahasa kiasan sama ada dalam bentuk perbandingan, simile, metafora, haiperbola, paradoks personifikasi dan sebagainya disebut ‘tasybih’ di dalam bahasa Arab, ianya mempunyai beberapa tujuan yang dihasratkan oleh penutur atau penulis tersebut.

Ruslan Adjun (1987 : 56 – 62) menjelaskan tujuan tasybih itu banyak antara :

1. Untuk menjelaskan keadaan *musyabbah* ()

kerana sebelum dibuat tasybih, *musyabbah* itu belum dikenali, dengan demikian *tasybih* itu berfungsi untuk menjelaskan sifat atau keadaan *musyabbah* itu sehingga *musyabbah* itu terkenal. Contoh:

Ruslan Adjun (1987 : 58) mengemukakan :

Ertinya : Dan kata al-Na:bighat al-Zibya:niyy: “ Anda bagaikan matahari, dan raja-raja itu bintang-bintang, apabila matahari telah terbit, satu bintang pun tidak kelihatan lagi”.

Unsur tasybihnya :

Anda, matahari *musyabbah*, bagaikan, *adat tasybih*, raja, bintang, *musyabbah bih*, bila matahari terbit bintang dah tak nampak lagi, *wajh syabah* Di dalam contoh ini Na:bighat berhasrat untuk menjadikan *musyabbab* seorang yang terkenal malahan lebih terkenal daripada seorang raja oleh kerana itu Na:bighat mengumpamakan orang itu (*musyabbah*) bagaikan matahari dan raja bagaikan bintang, apabila matahari terbit maka tenggelamlah cahaya bintang dan tidak kelihatan lagi

2. Untuk menjelaskan kadar keadaan *musyabbah* ()

Sebab keadaan atau sifat *musyabbah* diketahui secara global sahaja, tetapi setelah ditasybihkan sifatnya itu dapat dikenal dengan detil (diketahui kadar keadaannya)

Contoh :

Ruslan Adjun (1987 : 58) menjelaskan :


Ertinya : Kata al-Mutanabbi:y ketika menerangkan sifat singa. “ Dua matanya yang kelihatan di dalam gelap pekat (waktu malam) disangkakan api dari sekelompok penghuni sesuatu tempat.” Unsur tasybih : Dua mata singa, *musyabbah*, api, *musyabbah bih*.

Al-Mutanabbi:yy menjelaskan sifat singa yang dijadikan sebagai *musyabbah*. Umum mengetahui bahawa singa adalah seekor binatang buas yang sangat garang dan berani. Namun untuk menyatakan sifat singa itu secara detil diambil satu sahaja anggotanya iaitu mata sang singa itu. Dan diumpamakan sinaran mata singa itu bagaikan unggun api diwaktu malam gelap gelita.

3. Untuk menepatkan atau memantapkan keadaan *musyabbah*

()

Contohnya : Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Ra'd ayat 14.



Ertinya : “ Dan benda-benda yang mereka sembah selain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatu pun kepada mereka, hanya seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, pada hal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadah dan do’a permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.”

Di dalam ayat al-Qur’an al-Karim di atas Allah S.W.T. membandingkan mereka yang memohon kepada selain daripada Allah S.W.T. sama seperti orang yang ingin minum air tapi cuma memasukan tapak tangannya sahaja ke dalam air tersebut, sampai bila pun air itu tidak akan sampai ke mulutnya. Unsur tasybih :

Benda yang disembah selain dari Allah, *musyabbah*, orang yang hendak minum dengan membentangkan tangan ke dalam air, *musyabbah bih*, seperti, *adat tasybih*, , tidak sampai, *wajh syabah*.

4. Untuk menunjukkan keadaan baik kepada *musyabbah* yang umumnya manusia

memandang buruk kepadanya () Contohnya :

Ruslan Adjun (1987 : 58) menyatakan:

Ertinya: Kata Hasan al-Anbari:y tentang seorang yang disalib (Abu Tohir bin Baqiyyah) “Anda telah membentangkan dua tangan anda ke arah mereka dengan kemuliaan yang tersembunyi seperti memberikan banyak pemberian dengan menghulurkan tangan anda kepada mereka.”

Dalam contoh di atas Hasan al-Anbary mentasybihkan atau mengumpamakan Abu Tohir bin Baqiyyah yang terhampar tangannya kerana disalib sama seperti orang yang sedang memberikan sesuatu kepada orang ramai walaupun umum melihat orang

disalib itu pastinya orang jahat tapi Hasan al-Anbary tetap persangka baik kepada Abu Tohir bin Baqiyyah. Unsur tasybih : orang yang disalib, *musyabbah*, seperti, *adat tasybih*, orang yang menghulurkan tangan menyampaikan pemberian, *musyabbah bih*.

6. Untuk memandang jijik kepada *musyabbah* yang umumnya manusia memandang baik kepadanya () Contohnya :

Al-Syed Ahmad al-Ha:syimi:yy (t.t. 220) menyatakan:

Ertinya: “ Dan apabila mengkiaskan (membuat bandingan) keadaan orang yang berbual, ketawa berdekah-dekah, atau orang tua bertepuk tampar; keadaannya sama seperti monyet.” Dalam contoh di atas diumpamakan orang yang berbual-bual sambil ketawa berdekah-dekah, atau orang tua bertepuk tampar itu, sama seperti keadaan monyet, walau pun umum melihat orang yang ketawa itu melambangkan kegembiraan iaitu suatu perkara yang baik, tetapi oleh kerana ketawanya yang berdekah-dekah dan ada pula yang menampar-menampar pipi, perangai itu menjijikan tak ubah macam perangai monyet.

Unsur tasybihnya :

orang yang berbual, ketawa berdekah-dekah dan menampar-nampar, *Musyabbah*, monyet, *musyabbah bih*, seperti, *adat tasybih*.

Dari perbincangan di atas, sebagaimana telah dinyatakan bahawa tasybih dalam bahasa Arab adalah satu cabang daripada ilmu *baya:n*, dan ilmu *baya:n* pula adalah satu bahagian daripada perbahasan ilmu balaghah. Dan ilmu balaghah itu, antaranya berfungsi untuk mencantikkan susunan kata, makna, dan maksud yang menjurus kepada keindahan dan kelancaran dalam berbahasa.

Sungguhpun antara tujuan tasybih itu untuk memuji, mengejek, menyanjung dan mengeji, tetapi masih tetap juga berpegang kepada kebenaran dalam memperkatakan sesuatu perkara, hal atau lain-lainya.


2.7 Pengenalan Surah Al-Baqarah

Surah al- Baqarah adalah satu surah dari surah-surah Al-Qur'an. Perkataan Al-Qur'an dari segi bahasa, diambil daripada perkataan qara'a () artinya telah membaca.

Subhi al-Sa:lih, (t.t.:15) menyatakan al-Qur'an ialah kalam Allah S.W.T., yang menjadi mu'jizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dan ditulis di Mushaf, dimulai dengan surah al-Fa:tihah diakhiri dengan surah al-Na:s; diriwayatkan dengan cara mutawatir serta membacanya adalah sebagai satu ibadah.

Al-Qur'an al-Karim adalah kitab Allah Ta'ala yang terakhir diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W., (nabi dan rasul terakhir) al-Qur'an al-Karim kitab yang paling utama dan termulia di sisi Allah S.W.T terpelihara, tidak berubah, tidak dapat dipinda dan tidak dapat dihapuskan. Setiap kali ada usaha musuh Islam untuk meminda isi, susunan ayat dan surah yang terkandung di dalamnya, maka dengan segera ia dapat diketahui oleh umat Islam, kerana Allah S.W.T. sentiasa memeliharanya.

Firman Allah dalam surah al-Hijr, ayat



Bermaksud : Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya. Dengan jaminan Allah S.W.T. ini, terpeliharalah Kitab Suci al-Qur'an al-Karim daripada sebarang perubahan, dan bersinarlah cahayanya keseluruh dunia.

Al-Quran adalah perlembagaan hidup yang lengkap yang menyeluruh bagi semua aspek kehidupan. al-Quran yang mengandungi seratus empat belas surah itu, mengandungi enam ribu enam ratus enam puluh enam ayat, dan tiga puluh juz'; diturunkan secara beransur-ansur selama lebih kurang dua puluh tiga tahun.

Dalam susunan surah-surah al-Quran surah al-Baqarah adalah surah yang ke dua selepas surah al-Fa:tihah. Surah al-Baqarah merupakan surah yang terpanjang mengikut hitungan bilangan ayatnya mengandungi dua ratus lapan puluh enam ayat, meliputi juz pertama, ke dua, dan sebahagian juz ke tiga.

2.7.1 Sebab Dinamakan Surah Al-Baqarah

Surah bermaksud bahagiab-bahagian dari al-Qur'an. Al-Baqarah bererti lembu betina. Kisah lembu betina ada diceritakan oleh Allah S.W.T. pada ayat enam puluh tujuh hingga ayat tujuh puluh empat, dalam surah al-Baqarah.

Syed Qutub, (1989 : 55). Menjelaskan surah *al-Baqarah* adalah *surah* yang kedua

mengikuti urutan surah dalam al-Qur'an, ianya mengandungi 286 ayat, diturunkan di Madinah al-Munawwarah kecuali ayat 281 diturunkan di Mina dalam masa hajjat al-wada' ().

Mengikuti pendapat yang terkuat, ayat-ayat dari surah al-Baqarah ini tidaklah diturunkan berturut-turut sehingga ayat terakhir, kerana yang berlaku pada penurunan surah-surah al-Qur'an ialah terdapat ayat-ayat dari surah yang kemudian, diturunkan sebelum sempurna diturunkan surah yang sebelumnya. Dan yang menjadi asas pegangan dalam tertib surah-surah al-Qur'an ialah dari segi turun ayatnya yang awal, bukan turun semua ayat-ayatnya.

Muhammad 'Aliyy al-Sa:bu:niyy (1976 : 29) menjelaskan surah al-Baqarah ini telah dipersetujui oleh ahli ilmu Tafsir bahawa kebanyakan ayatnya diturunkan di Madinah. Dan surah al-Baqarah ini membentangkan tentang syariat yang terkandung di dalam peraturan undang-undang syara' yang menjadi panduan hidup dalam Islam.

Dinamakan surah yang mulia ini dengan nama surah al-Baqarah (lembu betina) ialah untuk menyegarkan ingatan kepada mu'jizat nabi Musa A. S., yang telah menghidupkan orang mati dengan memukulkan sebahagian dari anggota lembu betina yang menjadi qurban dalam peristiwa itu kepada si mati. Maka dengan izin Allah S.W.T. orang yang mati itu hidup semula. Ini juga menunjukkan tanda kekuasaan Allah S.W.T. yang berkuasa menghidupkan manusia yang telah mati. Peristiwa tersebut dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 67- 74.

2.7.2 Kisah Lembu Betina Dan Mu'jizat Nabi Musa A.S.

Mohammad ‘Aliyy al-Sa:bu:niyy, (1986 : 66), telah menceritakan kisah yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Khatim daripada ‘Ubaidah al-Salma:niyy katanya “ Seorang lelaki tua dari keturunan bani Israil yang tidak mempunyai anak tetapi banyak mempunyai harta. Lelaki tua itu telah dibunuh oleh anak saudaranya yang bakal mewarisi harta pusaka daripadanya. Pada malam lelaki itu dibunuh, anak saudaranya itu telah mengangkat mayat lelaki tua itu dan diletakkanya di hadapan pintu rumah seorang lelaki lain. Setelah waktu subuh tersebarlah berita pembunuhan itu dan berlakulah tuduh menuduh antara sesama mereka tetapi tidak ada bukti dan saksi pembunuhan tersebut.

Untuk menyelesaikan masalah tersebut mereka bersetuju untuk berjumpa nabi Musa A.S., bagi mengadukan hal tersebut dan meminta nabi Musa A.S., berdoa kepada Allah S.W.T supaya menunjukkan siapa sebenarnya pembunuh orang tua tersebut. Nabi Musa A.S., bermunajat kepada Allah S.W.T., dan Allah S.W.T., mewahyukan kepada nabi Musa A.S., supaya menyuruh mereka menyembelih lembu betina, kemudian memukulkan sebahagian daripada anggota lembu tersebut kepada mayat orang tua itu, nescaya si mati itu akan hidup dan akan menerangkan siapa pembunuhnya. Kisah tersebut telah dirakamkan oleh Allah S.W.T., dalam surah al-Baqarah ayat 67- 74.

Firman Allah S.W.T. ayat 67 :




Bermaksud “Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa A.S., berkata kepada kaumnya:

Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu menyembelih lembu betina. Mereka berkata: “Adakah engkau hendak menjadikan kami pemainan?” Nabi Musa menjawab : “Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang daripada golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut) .


Muhammad Mustafa al-Mara:ghiy (2006 : 82) menceritakan, sebab penyembelihan itu ialah kerana berlaku peristiwa di kalangan Bani Israil, seorang tua yang kaya raya telah dibunuh oleh sepupu-sepupunya yang tama’ dan ingin mewarisi harta orang tua tersebut. Mereka membawa mayat orang tua itu ke kampung lain, kemudian mereka menuduh, orang-orang di situ melakukan angkara tersebut, lalu mereka menuntut pampasan pembunuhan itu. Orang kampung tersebut mengadu kepada nabi Musa A.S, dan menegaskan mereka tidak melakukan angkara tersebut. Dan mereka meminta nabi Musa A.S. berdoa kepada Allah S.W.T. supaya menunjukkan siapa pembunuh yang sebenarnya. Maka Allah S.W.T memberi wahyu kepada Nabi Musa A.S. supaya menyuruh mereka menyembelih seekor lembu betina, kemudian hendaklah dipukul mayat itu dengan sebahagian daripada anggota lembu itu, nescaya simati akan hidup semula dan akan menerangkan siapa pembunuhnya.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 68 :




Bermaksud : Mereka berkata pula : “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?” Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya”.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 69 :



Bermaksud : Mereka berkata lagi: “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami apa warnanya?” Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman : Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning , kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang-orang yang melihatnya”.


Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 70 :



Bermaksud : Mereka berkata lagi: “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami lembu betina yang mana satu? Kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilihnya), dan

kami insya'Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu)".


Firman Allah dalam surah yang sama ayat 71 :



Bermaksud : Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menjirus tanaman; ia juga tidak cacat, dan tidak ada belang pada warnanya”.


Mereka berkata: “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar “. Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 72 :




Bermaksud : Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 73 :



Bermaksud : Maka Kami (Allah) berfirman: “Pukullah simati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu”. (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya.

Firman Allah dalam ayat 74 :



Bermaksud : Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.

Daripada ayat-ayat al-Quran di atas dapat diambil beberapa pengajaran dan kesimpulan

- i. Dapat sumber pengetahuan tentang kesah-kesah umat yang terdahulu
- ii. Maha kuasa Allah S.W.T. berkuasa menghidupkan semula orang yang telah mati
- iii. Dapat mengetahui sifat dan sikap Bani Israil yang keras dan degil walaupun mereka telah menyaksikan kekuasaan Allah S.W.T. dan mukjizat nabi Musa A.S. namun mereka tetap juga tidak beriman
- iv. Mengetahui antara mukjizat nabi Musa A.S. diperkenankan Allah S.W.T. dapat menghidupkan orang yang telah mati
- v. Mengetahui kesah lembu betina yang dijadikan korban untuk menghidupkan orang yang mati dibunuh supaya simati dapat menerangkan siapa pembunuhnya.
- vi. Memberi peringatan dan pengajaran bahawa setiap perbuatan walaupun tidak ada siapa yang menyaksinya namun Allah S.W.A. tetap dapat membuktikannya dengan sejelas-jelasnya
- vii. Sempena dengan kesah lembu betina yang tersebut maka surah ini dinamakan surah al-Baqarah

2.8 Sebab Pemilihan Surah Al-Baqarah


Sungguh pun al-Qur'an mengandungi seratus empat belas surah . Namun surah al-Baqarah menjadi pilihan penulis. Antara sebabnya adalah seperti berikut :

1. Dari sudut kajian bahasa yang menjadi fokus kepada kajian ini. Setelah dibuat tinjauan dan diteliti di dalam surah Al-Baqarah terdapat lima belas ayat yang mengandungi tasybih atau bahasa kiasan. Jadi penulis beranggapan dalam kajian diperingkat sarjana ini mungkin telah memadai, lima belas ayat itu dijadikan sampel dan subjek kajian. Kerana banyak perkara yang perlu dihalusi dahulu sebelum menghuraikan ayat-ayat tersebut.

2.Surah al-Baqarah banyak mengandungi fadilat antaranya dapat menghindarkan daripada gangguan syaitan. Telah di maklumi daripada syari'at Islam bahawa selain daripada orang-orang kafir, munafiq dan musyrik yang menjadi musuh Islam ialah makhluk halus, ia itu Iblis dan Syaitan. Mereka memang sentiasa mengganggu anak cucu nabi Adam A.S., agar lalai daripada menurut perintah Allah S.W.T.

Oleh kerana dengki dan dendam Iblis kepada nabi Adam A.S. dia (iblis) telah memohon kepada Allah S.W.T. untuk mempengaruhi dan menyesatkan keurunan nabi Adam A.S. ini adalah janji mereka (Iblis) dengan Allah ketika mereka menderhaka kepada Allah kerana enggan menurut perintah Allah supaya sujud kepada nabi Adam A.S. Kerana keangkuhan dan kesombongan iblis yang menyangka dia (iblis) lebih mulia daripada Adam A.S. sebab Allah jadikan Adam daripada tanah sedangkan Allah jadikan dirinya (iblis) daripada api. Iblis sendiri merasakan dirinya lebih mulia daripada Adam. Oleh kerana keangkohannya dia sanggup mengingkari perintah Allah S.W.T. Allah supaya sujud kepada nabi Adam A.S. itu. Allah S.W.T. rakamkan peristiwa penderhakaan Iblis ini dalam surah al-Baqarah ayat 34.

Firman Allah S.W.T Ayat 34



Bermaksud : “Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat : “ Tunduklah (beri hormat) kepada Adam”. Lalu mereka sekeliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir”

Sabda Rasulullah S.A.W.

Bermaksud: Dari Rasulullah S.A.W. katanya: “ Jangan kamu jadikan rumah-rumah kamu, kubur-kubur. Sesungguhnya syaitan akan lari daripada rumah yang dibacakan di dalamnya surah l-Baqarah.

3. Untuk mendapat berkat, dengan kerap membaca surah al-Baqarah ini kita akan mendapat berkat, keberkatan adalah satu perkara yang sangat diharapkan oleh seorang hamba Allah. Kehidupan yang diberkati adalah sentiasa mendapat keredaan daripada Allah. Satu cara untuk mendapatkan keberkatan itu ialah dengan membaca surah Al-Baqarah.

Sabda Rasulullah S.A.W.

Bermaksud : Bacalah oleh kamu semua, surah al-Baqarah, sesungguhnya membaca surah al-Baqarah itu akan mendapat berkat dan meninggalkannya adalah satu kerugian, dan ia melindungi daripada keburukan.

4. Surah al-Baqarah juga mempunyai kelebihan, dapat melindungi daripada keburukan, seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas

5. Surah al-Baqarah adalah surah yang terpanjang dan terletak di bahagian awal mengikut urutan surah-surah al-Qur'an memudahkan untuk menemuinya.

2.9 Ringkasan Kandungan Surah Al-Baqarah

Surah al-Baqarah di mulai dengan huruf alif lam mim sebagaimana juga terdapat pada permulaan beberapa surah yang lain. Berbagai-bagai pendapat dalam mentafsirkan huruf-huruf tersebut di antaranya pendapat yang mengatakan bahawa huruf-huruf itu merupakan satu isyarat yang mengingatkan bahawa al-Qur'an itu digubah dari jenis huruf-huruf, dan gubahan al-Qur'an itu adalah gubahan yang bermu'jizat yang tidak dapat digubah oleh makhluk, walaupun dengan menggunakan huruf-huruf seperti: Alif lam mim, pada ayat pertama surah al-Baqarah, Allah sahaja yang mengetahui maksudnya.

Di bawah ini dinyatakan intisari kandungan surah al-Baqarah secara ringkas. Setelah merujuk kepada beberapa tafsir al-Qur'an dapatlah diambil beberapa intisari kandungan surah al-Baqarah adalah seperti berikut :

Ayat 1- 40

Bermula dengan huruf Alif, Lam dan Mim, kata ulamak Allah yang mengetahui maksudnya, ada juga antara mereka mengatakan ianya nama surah ia itu surah Alif Lam Mim . Kemudian Allah S.W.T. menjelaskan al-Qur'an sebagai kitab petunjuk kepada orang yang bertaqwa, seterusnya menerangkan keadaan manusia ada yang beriman,ada yang kafir dan ada yang munafiq.

Allah menyangkal mereka yang mengatakan al-Qur'an itu karangan nabi Muhammad S.A.W. seterusnya menyatakan Allah S.W.T. yang menjadikan tujuh lapis langit dan bumi dan segala benda yang terdapat di bumi ini adalah untuk manusia. Allah jadikan alam yang boleh dilihat dan alam yang tidak dapat dilihat (alam ghaib). Kemudian dijelaskan tentang malaikat, syaitan dan kesah syaitan memperdayakan Adam A,S.

Ayat 41 - 90

Peringatan kepada Bani Israil supaya beriman dan tidak menyembunyikan kebenaran. Allah sebutkan kesah Firaun menyembelih anak-anak lelaki, Allah selamatkan nabi Musa A.S. yang lahir ketika itu, dan Allah S.W.T. rakamkan kesah lembu betina yang menjadi korban. Dan menghidupkan orang yang telah mati, Bani Israil tetap tidak beriman mereka cuma berpura-pura sahaja.

Ayat 91 – 152

Kesah kesombongan Bani Israil yang tidak mahu menerima kebenaran dan kerasulan nabi Muhammad S.A.W. Dinyatakan tentang peri hal orang musyrikin yang menyekutukan Allah; disebut tentang sihir. Dinyatakan tentang kerasulan Nabi Muhammad S.A.W., memberi khabar gembira kepada orang mukminin dan khabar

duka kepada orang musyrikin. Seterusnya Allah menyebutkan kisah nabi Ibrahim A.S. membina Kaabah. Dan pertukaran qiblat dari masjid al- Aqsa ke masjid al-Haram.

Ayat 151 – 242

Menjelaskan bahawa Kaabah adalah merupakan pusat ibadat yang semesta dan ia juga menjadi lambang bagi perpaduan umat Islam. Persaudaraan dalam Islam itu diasaskan dengan tonggak serta lambangnya yang tertentu, maka hukum-hukum ditentukan pula bagi kehidupan dan pergaulan kemasyarakatan bagi umat ini dengan ketetapan bahawasanya kebaikan itu bukannya terletak pada amalan-amalan lahiriyah yang mengikut aturan-aturan tertentu sahaja, tetapi ianya adalah bergantung kepada keimanan, kebaikan akhlak dalam perhubungan. Tentang sembahyang, sedekah, keadilan dan kesabaran dalam masa penderitaan. Hukum-hukum tentang makanan dan minuman, wasiat, puasa, jihad, arak dan perjudian; layanan baik terhadap anak-anak yatim dan para wanita dan sebagainya.

Ayat 243-286

Oleh kerana bimbangkan jihad itu disalah ertikan ianya dinyatakan sekali lagi dalam kisah Talut, Jalut dan Nabi Daud A.S. berbanding pula dengan kisah Nabi Isa A.S. Menjelaskan bahawa kebaikan yang sebenarnya ialah terletak pada tugas amali, iaitu menjaga maruah diri, kebaikan kepada orang lain dan kepercayaan yang baik. Dalam ayat 255 di terangkan sifat-sifat Tuhan, diperingatkan kepada kita dalam ayat yang mulia dan hebat itu, iaitu ayat al-Kursi (ayat Singgahsana). Surah ini berakhir dengan memberi pengajaran tentang keimanan, ketaatan, kesedaran tentang tanggungjawab diri, serta sembahyang.

Demikianlah ringkasan intisari dari kandungan ayat-ayat dalam surah al-Baqarah. Sebahagian ulama' mufassirin telah menghitung ada sebanyak lima ratus hukum. dalam surah al-Baqarah.

Abi:y Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (2002 :114)menjelaskan dalam surah al-Baqarah terdapat satu ribu suruhan, satu ribu tegahan dan satu ribu perkhabaran.

2.10 Kesimpulan

Dalam bab ini yang membicarakan tentang tasybih dan surah al-Baqarah, dapat dirumuskan bahawa tasybih adalah satu gaya bahasa yang biasa digunakan oleh mereka yang suka dan minat mengindahkan dan mempelbagaikan gaya bahasa mereka dengan membandingkan dan cuba mempertemukan sifat seseorang dengan benda lain yang lebih terkenal lagi dengan sifat tersebut. Tasybih boleh digunakan untuk menyampaikan sesuatu hasrat seseorang sama ada ia hendak memuji atau mengeji, tasybih juga mempunyai beberapa bahagian dan pecahan. Dan surah al-Baqarah adalah antara surah terawal, di turunkan di Madinah, surah al-Baqarah adalah

surah yang terpanjang, terdapat enam belas ungkapan berbentuk tasybih dalam surah al-Baqarah